

Pelan 5P bangun Jerantut - Ahmad Nazlan

JERANTUT 29 Ogos - UMNO Bahagian Jerantut mewujudkan pelan '5P' bertujuan memperkasakan peranan parti itu dalam membantu meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran penduduk di daerah ini.

Ketuanya, Ahmad Nazlan Idris berkata, pelan pembangunan ke arah mencapai hasrat Wawasan 2020 itu melibatkan pemodenan daerah, pembangunan generasi muda, pemeraksanaan ekonomi, penambahbaikan infrastruktur dan program kesejahteraan penduduk.

Beliau berkata, pembangunan yang dirangka menerusi kerjasama ahli jawatan kuasa UMNO bahagian itu dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memandangkan kawasan itu memerlukan perubahan sosioekonomi secara drastik yang memberi signifikan kesejahteraan hidup semua kaum.

"Konsep pembangunan berasaskan intipati ekonomi, sosial dan pendidikan relevan dan lebih muarab untuk membawa perubahan hidup penduduk luar bandar yang disifatkan agak lambat berbanding di tempat lain.

"Pelan 5P memfokuskan strategi pembangunan moden di landasan yang betul sejak pascamerdeka

khususnya merancang sektor pendidikan, perumahan, pelancongan dan kebijakan penduduk yang kurang berkemampuan di luar bandar," katanya kepada pemberita selepas Persidangan Perwakilan UMNO Bahagian Jerantut, di sini hari ini.

Persidangan yang dihadiri 500 perwakilan mewakili 108 cawangan UMNO Parlimen Jerantut itu dirasmikan Najib yang juga Presiden UMNO.

Menurut Ahmad Nazlan, antara fokus utama pembangunan pendidikan ialah pembukaan kampus cawangan Universiti Putra Malaysia, Universiti Kuala Lumpur dan mendapatkan kerjasama Majlis Amanah Rakyat bagi menubuhkan pusat latihan kemahiran bagi golongan belia.

Kata beliau, bagi mewujudkan kesejahteraan penggunaan jalur lebar dan mengakses internet di luar bandar khususnya kawasan Hulu Tembeling, Hulu Cheka dan Felda, pihaknya memohon kerajaan menaikkan taraf sistem telekomunikasi berkenaan secepat mungkin di ka-



AHMAD NAZLAN IDRIS

wasan itu.

Beliau berkata, dalam kerangka merancang sektor ekonomi berasaskan ternakan, pihaknya berharap kerajaan membantu pengusaha bidang akuakultur yang berpotensi besar agar lebih ramai pengusaha berkembang berasaskan permintaan ikan air tawar semakin meningkat di pasaran tempatan

dan luar.

"Kita juga membuka pusat tuishen di rumah ibadat semua kaum di daerah ini untuk melestarikan kemudahan pembelajaran bagi kesesuaian pelajar miskin dan kurang berkemampuan mengulangkaji pelajaran dengan dibantu guru berpengalaman.

"UMNO bahagian ini menerusi peruntukan Ahli Parlimen turut membelanjakan sebanyak RM180,000 bagi menggerakkan program Wanita UMNO untuk kebijakan penduduk miskin, pesakit kronik termasuk projek membaik pulih kediaman mereka yang susah mengikut keutamaan," katanya.